

Mansuh Caj Satu Peratus: PTPTN Serah Kepada Perdana Menteri Dan Kementerian Bernama
23 Mei, 2012

SHAH ALAM, 23 Mei (Bernama) -- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Kementerian Pengajian Tinggi, untuk membuat keputusan mengenai saranan pemansuhan caj perkhidmatan satu peratus.

Pengerusinya Datuk Ismail Mohamed Said berkata caj tersebut dikenakan ke atas peminjam bagi menampung kos pengurusan dan pentadbiran PTPTN.

"Ia juga untuk menampung pembukaan cawangan PTPTN di negeri, di mana kita sudah buka cawangan di Sabah, Sarawak dan Pahang, manakala di Melaka akan dibuka dalam masa terdekat.

"Kita nak memudahkan ibu bapa dan pelajar hubungi kita, sebab itu kita turun padang dan buka cawangan di setiap negeri," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penyerahan Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) PTPTN di Universiti Teknologi Mara, di sini.

Beliau diminta mengulas saranan yang dibuat Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin pada debat bersama Pengarah Strategi Parti Keadilan Rakyat Mohd Rafizi Ramli mengenai PTPTN, yang dianjurkan akhbar Sinar Harian, di sini Selasa.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668101>